

26/07/2002

PM harap komponen BN terima keputusan agihan kerusi

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa; Abdul Razak Raaff
JOHOR BAHRU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap semua parti komponen Barisan Nasional (BN) menerima apa juga keputusan berhubung pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, sebarang keputusan yang dibuatnya sebagai peneraju BN perlu diterima bagi kebaikan semua parti komponen kerana ia pasti dilakukan secara adil.

Pengerusi BN itu menjelaskan, beliau membuat rayuan awal mengenai perkara itu supaya apabila beliau sudah membuat keputusan selaku Pengerusi BN, semua dapat menerimanya.

"Katalah ada tambahan kerusi, mesti ada parti komponen BN yang tak akan dapat semua apa yang mereka hendak. Tapi tak adalah yang tak dapat langsung," katanya berucap menutup Konvensyen BN Negeri Johor di Stadium Tertutup Bandaraya, di sini hari ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Prof Dr Jamilah Ariffin; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta barisan kepimpinan tertinggi BN Johor dan Pusat.

Dalam ucapannya yang diselang seli dengan jenaka, Dr Mahathir berkata, beliau menimbulkan perkara itu (soal agihan kerusi) kerana akhirnya yang menentukan calon adalah beliau sendiri.

"Sebab itu, saya rayu awal-awal lagi. Bila saya putuskan terima sajalah. Kadang kala ada juga kawasan ditukar calon. Kita lari ke kawasan lain. Teruklah. Tak patut macam tu. Semua kita tak patutlah.

"Macam yang tak patut berlaku kepada kita ni. Tapi kita guna dacing untuk timbang antara patut dan tak patut. Saya ingat berat lagi yang tak patut. Jadi kita terima sajalah," katanya.

Perdana Menteri berkata, segala nikmat daripada kemakmuran negara ini perlu dikekalkan dan hakikatnya tiada jalan lain kecuali memperkuatkan lagi BN.

"Tentukan BN dapat kemenangan setiap kali pilihan raya. Kalau ada perbezaan pendapat, selesaikan secara rundingan. Kadang kala kita dapat, kadang kala tidak.

"Setiap orang nak lebih bagi dirinya. Tiada orang nak kurang. Tetapi kadang kala kita tak dapat yang kita minta dan idamkan. Kita kena terima hakikat bahawa ia bukan giliran kita," katanya.

Sambil mengharap BN mengekalkan kemenangan 100 peratus di Johor, beliau berkata, parti pembangkang terutama Pas, tidak harus dibenarkan masuk dan berakar umbi di negeri ini.

Katanya, kemasukan Pas ke Johor akan hanya membawa huru-hara dan tidak stabil. Pendekatan melampau, fitnah, pembohongan, kekerasan dan menyalah tafsir agama seperti dilakukan Pas hanya mencemarkan Johor.

"Jaga dan kekalkan kebersihan di Johor supaya semua sihat dan selamat," katanya sambil menambah, Pas suka menggunakan pendekatan ganas kerana tidak mampu memenangi pilihan raya.